



MARKAS ANGKATAN TENTERA MALAYSIA
 BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM-J7
 Wisma Pertahanan
 Jalan Padang Tembak
 50634 KUALA LUMPUR
 Tel: 03-20716425/6424
 Laman Web: www.mafhq.mil.my

KENYATAAN MEDIA

KUALA LUMPUR
 17 MEI 21 (ISNIN)

(Dikeluarkan pada jam 9.30 pagi)

ASPEK KESELAMATAN DAN PERTAHANAN SIBER ATM DIPANTAU SEBILANG MASA

Panglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj. Affendi bin Buang TUDM menjelaskan bahawa aspek keselamatan dan pertahanan siber Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa di pantau sebilang masa bagi memastikan segala ancaman yang mengganggu rangkaian komunikasi pertahanan dapat ditangani sewajarnya.

Ini berlanjutan tular arahan dan langkah sewajarnya yang perlu diambil oleh pentadbir sistem siber/*Information Communication Technology* (ICT) ATM dan Kementerian Pertahanan yang dikeluarkan oleh Pusat Operasi Pertahanan Siber ATM atau *Cyber Defence Operation Center* (CDOC)

Walau bagaimanapun arahan yang dikeluarkan itu adalah sebagai normal praktis kepada aspek peringatan, tindakan serta langkah-langkah sewajarnya yang perlu dilaksanakan oleh pentadbir sistem siber sebagai langkah menangani apa jua kemungkinan tindak balas serangan siber oleh anasir-anasir asing yang boleh mengganggu pengoperasian sistem siber dan ICT ATM serta Kementerian Pertahanan.

Adalah ditegaskan bahawa ATM sentiasa memantau dan mempertingkatkan aspek keselamatan siber dari semasa ke semasa melalui peranan yang digerakkan oleh Bahagian Siber dan Elektromagnetik Pertahanan (BSEP) serta CDOC yang bukan sahaja memperkukuhkan rangkaian pemantauan dan pertahanan komunikasi ATM malah melindungi rangkaian komunikasi strategik pertahanan Negara.

-TAMAT-

"KEDAULATAN NEGARA TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



Markas Angkatan
Tentera Malaysia



official.atm2020



@MarkasATM



Markas ATM



BAHAGIAN HAL EHWAL AWAM (J7)